



**SIARAN MEDIA**  
*MEDIA RELEASE*

**INDEKS JUALAN RUNCIT  
DAN  
INDEKS PERKHIDMATAN MAKANAN & MINUMAN  
SUKU TAHUN PERTAMA 2026**

*RETAIL SALES INDEX  
AND  
FOOD & BEVERAGES SERVICES INDEX  
FIRST QUARTER 2026*



## **SIARAN MEDIA**

### **JABATAN PERANCANGAN EKONOMI DAN STATISTIK**

#### **INDEKS JUALAN RUNCIT DAN INDEKS PERKHIDMATAN MAKANAN & MINUMAN SUKU TAHUN PERTAMA 2026**

#### **NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

---

#### **Jualan perkhidmatan makanan dan minuman meningkat 3.0 peratus pada suku tahun pertama 2026**

1. Pada suku tahun pertama (Q1) 2026, kedua-dua nilai dan volum jualan perkhidmatan makanan dan minuman telah mencatatkan peningkatan berbanding Q1 2025. Nilai jualan meningkat sebanyak 3.0 peratus, iaitu daripada BND105.7 juta kepada BND108.9 juta. Peningkatan ini adalah terutamanya didorong oleh nilai jualan aktiviti perkhidmatan katering sebanyak 15.2 peratus, restoran sebanyak 1.2 peratus, dan kedai makanan segera sebanyak 3.3 peratus. Dari segi volum, perkhidmatan makanan dan minuman mencatatkan pertumbuhan sebanyak 2.5 peratus berbanding Q1 2025.
2. Bagi jualan runcit, kedua-dua nilai dan volum jualan telah mencatatkan penurunan berbanding Q1 2025. Nilai jualan menurun sebanyak 0.1 peratus, iaitu daripada BND437.7 juta kepada BND437.2 juta. Ini adalah terutamanya didorong oleh penurunan nilai jualan dalam beberapa aktiviti, iaitu peralatan komputer dan telekomunikasi sebanyak 16.3 peratus, gedung serbaneka sebanyak 1.8 peratus, dan peralatan elektrik dan peralatan pencahayaan isi rumah di kedai khusus sebanyak 5.8 peratus. Walau bagaimanapun, beberapa aktiviti mencatatkan peningkatan, didorong terutamanya oleh jam tangan dan barang kemas (25.2 peratus) terutamanya barang kemas; makanan dan minuman di kedai khusus (40.5 peratus) seperti produk daging, makanan laut dan makanan diproses lain; dan stesen minyak (4.4 peratus). Manakala, volum jualan runcit telah mencatatkan penurunan sebanyak 1.5 peratus berbanding Q1 2025.

3. Indeks Jualan Runcit (RSI) dan Indeks Perkhidmatan Makanan & Minuman (F&BSI) adalah petunjuk awal prestasi ekonomi bagi kedua-dua aktiviti dan memberikan gambaran trend perbelanjaan pengguna di Negara Brunei Darussalam bagi suku tahun pertama 2026. Laporan penuh boleh didapati melalui laman sesawang JPES: <https://www.deps.gov.bn>.



## INDEKS PERKHIDMATAN MAKANAN & MINUMAN SUKU PERTAMA (Q1) 2026

Indeks Perkhidmatan Makanan & Minuman (F&BSI) mengukur perkembangan aktiviti perkhidmatan makanan & minuman. Ia berfungsi sebagai petunjuk awal mengenai prestasi perkhidmatan makanan & minuman serta corak perbelanjaan pengguna.


### TREND INDEKS (Q1 2025 – Q1 2026)



### Perubahan Tahun-ke-Tahun Jan-Mac 2026 | Jan-Mac 2025

NILAI	VOLUM
▲ 3.0%	▲ 2.5%

### PERUBAHAN TAHUN-KE-TAHUN Q1 2026



**NILAI JUALAN: BND108.9 JUTA**



## INDEKS JUALAN RUNCIT SUKU PERTAMA (Q1) 2026

Indeks Jualan Runcit (RSI) mengukur perkembangan aktiviti jualan runcit. Ia berfungsi sebagai petunjuk awal mengenai prestasi jualan runcit serta corak perbelanjaan pengguna.


### TREND INDEKS (Q1 2025 – Q1 2026)



### Perubahan Tahun-ke-Tahun Jan-Mac 2026 | Jan-Mac 2025

NILAI	VOLUM
▼-0.1%	▼-1.5%

### PERUBAHAN TAHUN-KE-TAHUN Q1 2026



**NILAI JUALAN: BND437.2 JUTA**



## **MEDIA RELEASE**

### **DEPARTMENT OF ECONOMIC PLANNING AND STATISTICS**

#### **RETAIL SALES INDEX AND FOOD & BEVERAGES SERVICES INDEX**

#### **FIRST QUARTER 2026**

#### **BRUNEI DARUSSALAM**

---

#### ***Sales of food & beverage services increased by 3.0 per cent in first quarter of 2026***

- In the first quarter (Q1) of 2026, both the sales value and volume of food and beverage services recorded an increase compared to Q1 2025. The sales value increased by 3.0 per cent, from BND105.7 million to BND108.9 million. This growth was mainly attributed to increases in sales value of catering service activities by 15.2 per cent, restaurants by 1.2 per cent, and fast-food outlets by 3.3 per cent. In terms of volume, food and beverages services recorded a positive growth of 2.5 per cent compared to Q1 2025.*
- For retail sales, both the sales value and volume recorded a decrease compared to Q1 2025. The sales value decreased by 0.1 per cent, from BND437.7 million to BND437.2 million. This was mainly attributed to lower sales value in several activities, namely computer and telecommunications equipment by 16.3 per cent, department stores by 1.8 per cent, and electrical household appliances and lighting equipment in specialized stores by 5.8 per cent. However, several activities recorded an increase, mainly driven by watches and jewellery (25.2 per cent) particularly jewellery; food and beverages in specialised stores (40.5 per cent) such as meat, seafood and other processed food products; and petrol stations (4.4 per cent). Meanwhile, retail sales volume recorded a decrease of 1.5 per cent compared to Q1 2025.*
- Retail Sales Index (RSI) and Food & Beverages Services Index (F&BSI) are preliminary indicators of economic performance for both activities and provide an outlook for consumer spending trends in Brunei Darussalam for Q1 2026. Full reports are available at DEPS's website: <https://www.deps.gov.bn>.*

## FOOD & BEVERAGES SERVICES INDEX

### FIRST QUARTER (Q1) 2026

The Food & Beverages Services Index (F&BSI) measures the movements of food & beverages services activities. It serves as a leading economic indicator of the food & beverages services performance as well as consumer spending behavior.


#### INDEX TREND (Q1 2025 – Q1 2026)



#### Year-on-Year Change Jan-Mar 2026 | Jan-Mar 2025

VALUE	VOLUME
▲ 3.0%	▲ 2.5%

#### YEAR-ON-YEAR CHANGE Q1 2026



**VALUE OF SALES: BND108.9 MILLION**



## RETAIL SALES INDEX FIRST QUARTER (Q1) 2026

The Retail Sales Index (RSI) measures the movements of retail sales activities. It serves as a leading economic indicator of the retail trade performance as well as consumer spending behavior.


### INDEX TREND (Q1 2025 – Q1 2026)



### Year-on-Year Change Jan-Mar 2026 | Jan-Mar 2025

VALUE	VOLUME
▼ -0.1%	▼ -1.5%

### YEAR-ON-YEAR CHANGE Q1 2026



## VALUE OF SALES: BND437.2 MILLION